

# Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala TPM

# 600 pesilat beraksi

Oleh NOR AZIRAN YUNUS  
aziran.yunus@kosmo.com.my

SERAMAI 600 pesilat yang terdiri daripada pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dan antarabangsa akan bertarung pada Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri 2012 yang akan berlangsung di Batu Pahat, Johor bermula 17 hingga 22 September ini.

Kejohanan tahunan itu dianjurkan bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UHTM) dan Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka).

Penolong Naib Canselor UTHM Prof. Ir Dr. Amir Hashim Mohd. Kassim berkata, kejohanan yang memasuki edisi ketiga itu turut

menerapkan sesi pembelajaran bersama guru seni silat Melayu asli di sekitar Batu Pahat.

"Pesilat, terutamanya daripada negara Eropah akan berpeluang mendalami ilmu persilatan daripada pengamal-pengamal silat tradisional di kampung terpilih serta mereka juga akan melawat gelanggang silat di kampung dan Muzium Silat yang ada di sini beberapa hari sebelum kejohanan bermula," katanya pada satu sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam.

Kata Amir, penyertaan pada edisi kali ini dilihat sangat membangangkan dengan penyertaan daripada universiti luar negara yang meningkat berbanding tahun lepas.

Pada edisi tahun lalu, hanya tiga negara asing mengambil bahagian iaitu Indonesia, Singapura dan

Thailand.

"Pada tahun lepas, kita merupakan juara bertahan bagi kategori antarabangsa dan pada tahun ini kita berharap mampu mengekal kan kejurnaaran tersebut, namun perkara itu tidak begitu mudah kerana bagi kejohanan kali ini ia pasti lebih hebat dengan adanya penyertaan dari Belanda, Belgium, Brunei, Indonesia, Laos, Singapura, Thailand, United Kingdom dan Vietnam," katanya.

Menurutnya, antara kategori yang dipertandingkan ialah silat olahraga IPT tempatan dan antarabangsa, silat seni tempatan dan antarabangsa serta silat seni bagi pelajar antarabangsa dalam Malaysia.

Katanya lagi, setelah masuk tahun ketiga, dia melihat bahawa sukan silat itu mampu untuk pergi



PROF. Amir ketika menjawab persoalan pemberita pada sidang akhbar mengenai Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala TPM 2012 semalam.

lebih jauh dan akan berusaha mengangkat acara itu ke peringkat lebih tinggi.

Sementara itu, sebanyak 34 IPT awam dan swasta termasuk politeknik dan kolej komuniti akan

bertanding dalam kategori institusi pengajian tinggi tempatan dan kejohanan kali ini turut memperkenalkan kategori baharu iaitu Pelajar Antarabangsa Dalam Malaysi-